

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden di dorong industri masa kini dan masa hadapan bagi pembangunan ekonomi negara. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kelayakan</b>
1.	Eksekutif Sumber Manusia (Jawatan Kontrak) – Pejabat Pengurusan Korporat, Serdang	<p>Mempunyai kebolehan untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memproses pengambilan kakitangan, pemilihan calon, menguruskan sesi temuduga dan penyediaan kontrak perkhidmatan;</li> <li>2. Memproses tuntutan perjalanan, perubatan dan menguruskan urusan insurans kakitangan;</li> <li>3. Memproses permohonan latihan kakitangan;</li> <li>4. Mengemaskini maklumat, rekod dan fail; dan</li> <li>5. Lain-lain urusan seperti mana yang diarahkan dari masa ke masa.</li> </ol> <p>Kelayakan dan Pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Warganegara Malaysia;</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sumber manusia daripada institusi- institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;</li> <li>3. Memiliki pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang sumber manusia merupakan satu kelebihan; dan</li> <li>4. Berpengetahuan dalam Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Industri 1967 dan akta yang berkaitan seperti KWSP, PERKESO dan sebagainya.</li> </ol>
2.	Eksekutif Teknologi Maklumat, Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) (Jawatan Kontrak)	<p>Mempunyai kebolehan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemrosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan ABI;</li> <li>2. Mengurus dan menyelenggara sistem IT termasuk penyelenggaraan laman sesawang, server, webmail kakitangan dan sistem rangkaian;</li> </ol>

		<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Menguruskan keselamatan internet, intranet dan extranet disamping menguatkuasakan dasar, polisi, garis panduan, prosedur serta langkah-langkah keselamatan ICT;</li> <li>4. Memberikan khidmat sokongan dan penyelesaian masalah berkaitan IT kepada kakitangan ABI;</li> <li>5. Melaksanakan tugas berkaitan urusan perolehan perkakasan, perisian dan lain-lain keperluan ICT; dan</li> <li>6. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.</li> </ol> <p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Warganegara Malaysia;</li> <li>2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat atau kelayakan yang berkaitan; dan</li> <li>3. Mempunyai pengalaman secara langsung dan berterusan dalam bidang Teknologi Maklumat selama sekurang-kurangnya 2 tahun.</li> </ol>
--	--	--

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**  
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**  
 Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,  
 Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),  
 d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.  
 Tel : 03-8949 5686  
 Emel : [recruitment@nibm.my](mailto:recruitment@nibm.my)

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan : **3 Januari 2017**